

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

BIL.	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC		ADA/TIADA	CATATAN
	Bil.	Dokumen	Bil. Dokumen	
	a.	Surat Permohonan Rasmi	1	
	b.	Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)	1	
	c.	Pelan Susunatur	1	
	d.	Pelan Kunci	1	
	e.	Pelan Lokasi	1	

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN
(KERJA TANAH)**

BIL.	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH OSC		ADA/TIADA	CATATAN
	Bil.	Dokumen	Bil. Dokumen	
	a.	Surat Permohonan Rasmi Kebenaran Bertulis	1	
	b.	Laporan Kaedah Binaan	1	
	c.	Pelan Kunci	1	
	d.	Pelan Lokasi (Data GPS : jika ada)	1	
	e.	Pelan Lukisan Binaan	1	
	f.	Pelan Lukisan Susunatur	1	
	g.	Pelan Lukisan Jajaran Asal Rizab untuk Sungai, Parit dan Kolan Takungan serta Cadangan Penjajaran Semula atau Pelencongan	1	
	h.	Lukisan Keratan Rentas	1	
	i.	Lukisan Keratan Memanjang	1	
	j.	Gambarajah 'Schematic' (jika perlu)	1	
	k.	Salinan Surat Ulasan Teknikal daripada Jabatan/Agensi yang berkenaan	1	
	l.	Salinan Surat Permit atau Kelulusan daripada Jabatan/Agensi yang berkenaan (jika ada)	1	
	m.	Tarikh Cadangan Mula Kerja dan Tarikh Jangka Siap	1	
	n.	Maklumat Baj (Kerja Pengorekan Pasir Laut)	1	

SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN OLEH LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS) TERHADAP KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN KEJURUTERAAN

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Pihak pemaju hendaklah mematuhi peruntukan sebarang undang-undang bertulis termasuk Akta, Enakmen, Ordinan, Undang-undang Kecil, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah dan semua undang-undang yang terpakai ketika ini dan mana-mana undang-undang yang digubal berikutnya.
2. Pihak Pemaju hendaklah mematuhi peruntukan Enakmen LUAS 1999 dan semua peraturan yang digubal di bawahnya.
3. Pihak pemaju adalah tertakluk kepada arahan, perintah, syarat dan syarat-syarat tambahan yang suai manfaat dikeluarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa atau pada ketika Perintah Kemarau serta bagi tujuan perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber-sumber air.
4. Pihak Pemaju hendaklah menyediakan cadangan langkah-langkah mitigasi/kawalan pencemaran.
5. Pihak pemaju dikehendaki menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang kerap terhadap struktur kawalan pencemaran supaya berfungsi lebih efektif.
6. Pihak Pemaju hendaklah memaklumkan maklumat pegawai yang bertanggungjawab di tapak kerja.
7. Pegawai Lembaga hendaklah mempunyai akses bebas untuk memasuki premis pemaju pada bila-bila masa bagi memastikan syarat-syarat Lembaga dipatuhi dari semasa ke semasa.
8. Selepas notis amaran dikeluarkan, Lembaga boleh membatalkan atau menggantung Kebenaran Bertulis atau mengeluarkan arahan memberhentikan operasi dengan serta merta sekiranya pemaju gagal mematuhi mana-mana undang-undang bertulis, arahan, perintah, syarat atau syarat tambahan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
9. Lembaga hendaklah tidak akan menanggung apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh apa-apa tindakan, tinggalkan atau salah laku pemaju.

10. Pihak pemaju hendaklah memaklumkan kepada Lembaga sebarang kejadian atau kemalangan yang mungkin akan mengakibatkan kesan-kesan buruk terhadap mana-mana sumber air dan persekitarannya.
11. Pihak Pemaju hendaklah mengemukakan gambar tapak cadangan projek sebelum kerja-kerja dijalankan dan laporan kemajuan kerja bergambar setiap bulan bagi mana-mana aktiviti yang tertakluk dalam Kebenaran Bertulis Lembaga.
12. Pihak Pemaju hendaklah memaklumkan kepada Lembaga tarikh mula dan tarikh tamat kerja.
13. Tempoh sah laku Kebenaran Bertulis hanya sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Lembaga berdasarkan permohonan yang dikemukakan.
14. Lembaga perlu dimaklumkan sekiranya berlaku tarikh anjakan kerja.
15. Pihak Pemaju hendaklah mengemukakan sesalinan lengkap pelan '*As-built Drawing*' setelah kerja-kerja siap dijalankan.
16. Pihak Pemaju hendaklah memastikan struktur-struktur sementara yang dibina adalah tidak mengganggu aliran asal sumber air.
17. Pihak pemaju tidak dibenarkan membina bangunan atau struktur sementara di dalam rizab sungai, zon banjir, zon penampungan atau zon perlindungan.
18. Pihak Pemaju hendaklah memastikan sebarang sisa-sisa binaan dan struktur sementara tidak ditinggalkan di kawasan pembinaan setelah kerja-kerja siap dijalankan.
19. Sebarang kos bagi kerja-kerja pemuliharaan kualiti air akibat daripada aktiviti yang dijalankan hendaklah ditanggung oleh pihak Pemaju mengikut arahan Lembaga.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

A. BAGI AKTIVITI PEMBINAAN JAMBATAN

1. Pihak pemaju dikehendaki menjalankan pemantauan kualiti air di titik pensampelan yang ditetapkan pada jarak **10 m** (atau jarak lain yang ditetapkan oleh Lembaga) di **bahagian hulu** dan **hilir** tapak pembinaan berdasarkan 2 parameter ***Jumlah Pepejal Terampai (TSS)*** dan ***Minyak & Gris (O&G)***. Analisis parameter-parameter tersebut hendaklah dibuat oleh makmal yang mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia. Laporan hendaklah dibuat **setiap**

bulan seperti parameter di atas dan Laporan Kualiti Air hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.

“Nota : Nilai TSS dan O&G di hilir mestilah tidak melebihi di hulu titik pensampelan”.

2. Aras tampung bawah (soffit level) hendaklah mengambilkira keperluan minima bagi pengangkutan air jika sungai tersebut dijadikan navigasi jalan air pedalaman.
3. Pihak pemaju dikehendaki membina struktur pengukuhan tebing tetap atau sementara bagi meminimakan kesan pencemaran kepada kualiti air.

B. BAGI AKTIVITI LINTASAN (PAIP & KABEL)

1. Pihak pemaju dikehendaki menjalankan pemantauan kualiti air di titik pensampelan yang ditetapkan pada jarak **10 m** (atau jarak lain yang ditetapkan oleh Lembaga) di **bahagian hulu** dan **hilir** tapak pembinaan berdasarkan 2 parameter **Jumlah Pepejal Terampai (TSS)** dan **Minyak & Gris (O&G)**. Analisis parameter-parameter tersebut hendaklah dibuat oleh makmal yang mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia. Laporan hendaklah dibuat **setiap bulan** seperti parameter di atas dan Laporan Kualiti Air hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.

“Nota : Nilai TSS dan O&G di hilir mestilah tidak melebihi di hulu titik pensampelan”.

2. Aras tampung bawah (soffit level) hendaklah mengambilkira keperluan minima bagi pengangkutan air jika sungai tersebut dijadikan navigasi jalan air pedalaman.
3. Sebarang kebocoran daripada sistem paip yang merentasi/menyusuri sumber air hendaklah dipastikan tidak mencemari sumber air semasa kerja-kerja pemasangan paip tersebut dilakukan.

C. BAGI AKTIVITI PENGOREKAN PASIR SUNGAI

1. Pihak pemaju dikehendaki menjalankan pemantauan kualiti air di titik pensampelan yang ditetapkan pada jarak **10 m** (atau jarak lain yang ditetapkan oleh Lembaga) di **bahagian hulu** dan **hilir** tapak pembinaan berdasarkan 2 parameter **Jumlah Pepejal Terampai (TSS)** dan **Minyak & Gris (O&G)**. Analisis parameter-parameter tersebut hendaklah dibuat oleh makmal yang mendapat pengiktirafan

Skim Akreditasi Makmal Malaysia. Laporan hendaklah dibuat **setiap bulan** seperti parameter di atas dan Laporan Kualiti Air hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.

“Nota : Nilai TSS dan O&G di hilir mestilah tidak melebihi di hulu titik pensampelan”.

2. Pihak pemaju perlu membuat pensampelan kualiti air dari titik pelepasan akhir (*final discharge*) dari *struktur kawalan pencemaran*. Pensampelan hendaklah dibuat **setiap bulan** seperti parameter diatas dan Laporan Kualiti Efluen hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.
3. Pihak pemaju hendaklah mengemukakan maklumat penggunaan air samada dengan kaedah pengiraan kadar kapasiti pam atau isipadu kolam takungan yang pertama.
4. Pihak Pemaju hendaklah memastikan kaedah penyimpanan bekalan diesel tidak mencemarkan sumber air berhampiran.

D. BAGI AKTIVITI PENGOREKAN PASIR LAUT

1. Pihak pemaju dikehendaki mengemukakan pelan cadangan **langkah-langkah mitigasi kawalan pencemaran / hakisan** dalam lingkungan 3 batu nautika bagi mengelakkan gangguan ekosistem perairan pantai.
2. Pihak Pemaju hendaklah mengemukakan carta hidrografi dasar laut di dalam lingkungan 3 batu nautika dari garis pantai.
3. Pihak pemaju hendaklah telah mendapat kebenaran Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada agensi /jabatan berkaitan berhubung dengan aktiviti pengorekan pasir laut.
4. Pihak Pemaju hendaklah mengemukakan permit daripada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) yang berkenaan.
5. Pihak pemaju juga dikehendaki menjalankan pemantauan kualiti air marin pada jarak **50 m** daripada kawasan pengorekan pasir berdasarkan 5 parameter (***Oksigen Terlarut (DO), pH, Logam Berat, Pepejal Terampai (SS)*** dan ***Minyak & Gris (O&G)***). Analisis parameter-parameter tersebut hendaklah dibuat oleh makmal yang mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia. Ini adalah sebagai panduan bagi tahap kualiti air marin sepanjang tempoh kerja-kerja tersebut dilaksanakan. Laporan hendaklah dibuat **setiap bulan** seperti parameter diatas dan Laporan Kualiti Efluen hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.

6. Pihak pemaju hendaklah telah mendapat kebenaran daripada agensi /jabatan berkaitan berhubung dengan laluan keluar masuk sementara ke kawasan pengorekan pasir.
7. Pihak pemaju hendaklah mengemukakan lokasi sisa bahan buangan
8. Pihak Pemaju hendaklah memastikan kaedah penyimpanan bekalan diesel tidak mencemarkan sumber air berhampiran.

E. BAGI AKTIVITI PENJAJARAN & PELENCONGAN SEMULA SUNGAI

1. Pihak pemaju dikehendaki memastikan reka bentuk jajaran adalah seperti Pelan Rekabentuk yang diluluskan.
2. Pemaju hendaklah mengemukakan butiran kaedah atau prosedur cadangan pelencongan/penjajaran sungai.
3. Sebarang kerja-kerja penyambungan sungai (jajaran sediaada kepada jajaran baru) perlu diawasi oleh pegawai Lembaga bagi tujuan pengesahan dan pemantauan.
4. Pihak pemaju tidak dibenarkan menutup jajaran sungai sediaada sehingga jajaran baru disiapkan sepenuhnya dan mendapatkan kebenaran Lembaga.
5. Pihak pemaju juga dikehendaki menjalankan pemantauan kualiti air di titik pensampelan yang ditetapkan pada jarak **10 m** (atau jarak lain yang ditetapkan oleh Lembaga) di **bahagian hulu** dan **hilir** tapak pelencongan /penjajaran berdasarkan 2 parameter **Jumlah Pepejal Terampai (TSS)** dan **Minyak & Gris (O&G)**. Analisis parameter-parameter tersebut hendaklah dibuat oleh makmal yang mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia. Laporan hendaklah dibuat **setiap bulan** seperti parameter di atas dan Laporan Kualiti Efluen hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.
6. Pihak pemaju perlu membuat pensampelan kualiti air dari titik pelepasan akhir (*final discharge*) dari *struktur kawalan pencemaran*. Pensampelan hendaklah dibuat **setiap bulan** seperti parameter di atas dan Laporan Kualiti Efluen hendaklah dihantar kepada pihak Lembaga pada **minggu pertama setiap bulan berikutnya**.